

12 OCT 1996

Mahathir-KUB

SAHAM RM1,300 JUTA UNTUK 137,000 ANGGOTA KUB

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Koperasi Usaha Bersatu (KUB) yang ditaja oleh Umno akan disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tidak lama lagi dengan 137,000 anggota akan mendapat saham bernilai RM1,300 juta, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan rancangan pengkorporatan dan penyenaian KUB melalui Permodalan Perak Berhad (PPB), katanya ketika berucap menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

PPB kemudiannya akan ditukar nama kepada KUB Malaysia Berhad.

"Seramai 50 individu dijangka menjadi jutawan hasil dari penyenaian KUB," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

KUB yang pada awal 1990'an hampir muflis dengan hutang beratus-ratus juta ringgit serta dana pemegang saham dalam keadaan defisit, pada tahun depan dijangka mempunyai dana pemegang saham bernilai RM972 juta.

Dr Mahathir berkata modal pasaran KUB Malaysia Berhad pula dijangka RM2,140 juta apabila disenaraikan kelak.

Bagaimanapun, beliau berkata pengagihan saham KUB kepada anggotanya tertakluk kepada persetujuan anggota berhubung pembubaran KUB.

Jabatan Pembangunan Koperasi mulai hari ini mengedar secara bertulis kepada anggota KUB notis pembubaran KUB bagi membolehkan pengundian secara pos dijalankan.

Dr Mahathir meminta perwakilan Umno yang kebanyakannya anggota KUB supaya memberi persetujuan kepada pembubaran dan penyusunan semula koperasi itu dan seterusnya mengekalkan saham mereka dalam KUB Malaysia Berhad kerana ia akan terus mengembangkan perniagaan dan melaksanakan beberapa skim korporat di masa depan.

"Modal berbayar anggota KUB adalah sebanyak RM131 juta. Saya percaya ramai daripada anggota yang melabur dalam KUB dengan duit tunai. Kalaupun ada yang membuat pinjaman, jumlahnya tidak melebihi RM50 juta.

"Sebab itu, anggota KUB tidak perlu jual saham mereka untuk mendapatkan untung segera," katanya

Beliau yakin melalui rancangan pengkorporatan ini KUB akan menjadi sebuah organisasi perniagaan Bumiputera yang benar-benar berjaya demi kepentingan anggota-anggotanya.

Dr Mahathir berkata sejumlah 250 juta saham akan ditawarkan dengan satu saham dijangka bernilai antara RM2 dan RM4.

Setiap pemegang satu saham KUB boleh ditukarkan dengan tidak kurang daripada 1.5 saham PPB.

"Kejayaan memulih KUB dan menukarkannya dari sebuah koperasi kepada badan korporat yang akan disenaraikan membuktikan bahawa jika sesuatu kerja itu dijalankan bersungguh-sungguh oleh mereka yang mempunyai kepakaran, ia akhirnya akan berjaya," katanya.

Pada suatu ketika dahulu KUB mengalami kerugian besar kerana kepimpinannya pada masa itu menggunakannya sebagai sebuah "parti politik alternatif", kata Perdana Menteri yang merujuk kepada lembaga pengarah KUB ketika itu yang dikuasai oleh beberapa pemimpin Parti Semangat 46.--BERNAMA

AU MAI